

lokal

Tak pernah rasa tersisih...

Wanita gembira diterima baik keluarga mentua berbangsa Cina walaupun berlainan agama

Oleh Redzuan Muharam
redzuan.muharam@hmetro.com.my

Sungai Buloh

Perkahwinan ibu tiga anak, Noorhasliza Cha dengan Mohd Iskandar Chang Abdullah yang juga muafak, 16 tahun lalu tidak pernah membuatnya disisihkan keluarga suami hanya kerana datang daripada berlainan agama.

Sebaliknya, Noorhasliza, 42, diterima baik keluarga mentua termasuk adik-beradik ipar yang melayannya seperti saudara kandung sendiri.

Kemesraan itu dapat dilihat menerusi perkongsian video dimuat naik Noorhasliza di TikTok yang menunjukkan berkumpul dengan keluarga suami menjelang sambutan Tahun Baharu Cina.

Noorhasliza yang menetap di Paya Jaras, di sini berkata, hubungannya dengan mentua dan adik-beradik suami amat baik malah sering berkumpul setiap kali



Perkahwinan campur ini membuatkan saya berasa bertuah kerana dapat mengenali dan mempelajari budaya kaum lain, salah satunya menerusi perayaan mereka”

Noorhasliza Cha

ada kelapangan.

“Alhamdulillah, saya diterima baik bapa mentua dan semua adik beradik suami terutama kakak ipar.

“Kiranya, kami ‘sekepala’ namun sudah dua tahun (tahun 2020 dan 2021) tidak berjumpa disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), jadi gunakan kelonggaran diberi kerajaan tahun ini digunakan untuk berkumpul.

“Disebabkan ada yang mengikut pasangan masing-masing pulang ke kampung pada hari pertama pe-

rayaan maka kami adakan sambutan Tahun Baharu Cina lebih awal iaitu pada Ahad.

“Seronok rasanya kerana dapat makan bersama dan beri angpau kepada anak saudara,” katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Bercerita lanjut, Noorhasliza berkata, dia tidak pernah menyangka akan bertemu jodoh dengan muafak berbangsa Cina kerana perkenalan mereka amat singkat sebelum sepakat mendirikan rumah tangga.

“Saya berkenalan dengan suami di pusat servis kereta ketika Ramadan 2006 sebelum mengikat tali pertunangan enam hari selepas Hari Raya Aidilfitri tahun yang sama.

“Tiga bulan kemudian, kami berkahwin dan pada mulanya abang agak tidak bersetuju dengan pilihan saya namun kini sudah boleh menerimanya.

“Setakat ini, saya dan suami boleh bertolak ansur dengan satu sama lain walaupun datang daripada latar belakang berbeza serta

serasi dengan ahli keluarga kedua pihak.

“Perkahwinan campur ini membuatkan saya berasa bertuah kerana dapat mengenali dan mempelajari budaya kaum lain, salah satunya menerusi perayaan mereka,” katanya.

Sementara itu, suaminya, Mohd Iskandar Chang, 40, berkata, walaupun sudah

memeluk Islam, dia tetap akan meluangkan masa dengan keluarga setiap kali sambutan Tahun Baharu Cina.

“Saya memeluk Islam pada 2004 dan dalam keluarga, saya seorang saja yang muafak.

“Mulanya keluarga sukar

untuk terima keputusan saya namun lama kelamaan mereka faham dan hormat.

“Bagi saya, yang berlainan hanya agama namun kami tetap satu keluarga dan tahun ini lebih meriah kerana dapat berkumpul selepas dua tahun ‘beraya’ di WhatsApp saja,” katanya.



NOORHASLIZA (tengah) bersama suami dan keluarga mentuanya.